

# 13 pemenang Anugerah Hari Pekerja 2025

**Kuala Lumpur:** Seramai 13 pemenang Anugerah Hari Pekerja 2025 Peringkat Kebangsaan membabitkan kategori pekerja, majikan, kesatuan dan media diraikan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) semalam.

Majlis penyampaian plak anugerah bersama cek RM10,000 dan sijil penghargaan itu disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Penyampaian anugerah itu dimulakan dengan Anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pengurusan Tertinggi) 2025 yang disampaikan kepada Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Sektor Operasi Sekolah) Kementerian Pendidikan (KPM), Zainal Abas.

Beliau pernah dianugerahkan sebagai Guru Cemerlang KPM, Anugerah Jurulatih Cemerlang KPM-MSSM-MILO, selain dikurniakan pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Bintang Kesatria Mangku Negara.

Anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) diterima Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Melaka, Ezlina Alias yang berkhidmat sebagai penjawat awam sejak 2002.

Bekas artis budaya daripada Istana Negara, Rainli Lani menerima Anugerah Tokoh Pekerja Negara Perkhidmatan Awam (Kumpulan Pelaksana) atas tugasnya mewakili negara di pelbagai festival antarabangsa dan aktif dalam lebih 150 produksi



Anwar menyampaikan Anugerah Media Terbaik kepada Mas Zharif sambil disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta Menteri Sumber Manusia, Steven Sim (kiri) pada Sambutan Hari Pekerja 2025 di Bukit Jalil, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

teater tempatan dan antarabangsa seperti teater *Sirah Junjungan* dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Profesor dan penyelidik virologi daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Chee Hui Yee, menerima Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Eksekutif) atas kepaikananya dalam bidang diagnostik molekul dan pembangunan antivirus untuk penyakit berjangkit.

Beliau memegang dua paten hasil inovasi penyelidikannya dan meraih pelbagai pengiktirafan, termasuk Anugerah Fellowship Naib Canselor UPM 2018 serta dicalonkan untuk Anugerah Akademik Negara 2018.

Anugerah Tokoh Pekerja Ne-

gara (Bukan Eksekutif) pula disampaikan kepada G Tanaletchumy dari Central Force International Sdn Bhd, selepas menerima Innovation Award pada tahun lalu dan di samping pencapaiannya sejak 2022, mentransformasi operasi sumber manusia dengan memperkenalkan sistem petunjuk prestasi utama (KPI) yang sistematik dan mewujudkan program 'mentorship' untuk memperkuatkan hubungan kerja.

Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Orang Kurang Upaya) diterima pensyarah Universiti Melaya, Dr Ahmad Shamsuri Muhammad, hasil anugerah dan penghargaan daripada Asia Universiti Alliance Scolar Award

2023-2024.

Beliau yang aktif dalam organisasi bukan kerajaan dengan memegang jawatan Timbalan Presiden Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM) dan EXCO National Association of Special Education (NASE).

Dalam pada itu, Anugerah Majikan Terbaik Negara (syarikat besar/GLC) diraih Kulim Technology Park Corporation Sdn Bhd iaitu syarikat yang menguruskan projek nasional berimpak tinggi iaitu Kulim Hi-Tech Park.

Bagi anugerah sama kategori (perusahaan kecil dan sederhana) dimenangi Schattdecor Sdn Bhd, iaitu syarikat menghasilkan melamin filem bagi produk

perabot dan permukaan lantai.

Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) pula memenangi Anugerah Kesatuan Sekerja Terbaik Negara (Sektor Awam), manakala kategori swasta dinobatkan kepada Kesatuan Pekerja-pekerja Genting Malaysia Berhad.

## Wartawan MPB menang anugerah

Wartawan Media Prima Berhad (MPB), Mas Zharif Aziz Desa, 32, memenangi Anugerah Media Terbaik (Individu) hasil laporan eksklusif bertajuk *Majikan dan Pekerja Perlu Seiring Elak Suasana Toksik di Pejabat*.

Mengulas kemenangannya, Mas Zharif meluahkan rasa syukur atas pengiktirafan itu yang disifatkaninya antara pencapaian dan penghargaan terbaik sepanjang lapan tahun kerjayanya sebagai wartawan.

"Kemenangan ini khusus saya dedikasikan kepada Allahyarham ayahanda saya, Aziz Desa, yang menjadi sumber inspirasi dan kekuatan saya untuk terus berjuang dalam dunia kewartawanan. Tambah bermakna semalam 30 April adalah hari lahir saya.

"Idea laporan khas ini lahir daripada keprihatinan terhadap tekanan dihadapi pekerja akibat suasana kerja yang tidak sihat. Saya berterima kasih kepada Pengarang Berita TV3 atas kepercayaan, kerjasama serta sokongan sepanjang proses penerbitan laporan ini," katanya.